

UNTUK SIARAN SEGERA

Panasonic melancarkan SIRI SKY, Penghawa Dingin Inverter futuristik dan berkuasa baharu yang mengubah cara anda merasa dingin – rekabentuk serba baru yang pasti menarik perhatian anda

Bandar Sunway, 3 Mac 2016 – Panasonic telah melancarkan Penghawa Dingin Inverter Radiant Cooling yang baharu, meneraju rekabentuk inovatif di samping memberi keselesaan penyejukan yang berkuasa. Diperkenalkan hari ini, SIRI SKY bertaraf premium, dengan rangkaian Inverter Elit sebagai tambahan terbaru kepada rangkaian keseluruhan penghawa dingin.

SKY WING merupakan nama penutup baru bagi SIRI SKY. Dengan rekabentuk baharu penutup di bahagian atas serta pengambilan udara di bahagian bawah yang baharu, ianya menyedut udara panas dari bahagian bawah lalu mengedar udara sejuk menerusi bahagian atas bagi menyejukkan siling dan dinding. Sistem penyejukan inovatif ini mengaplikasikan prinsip “*efek Coanda” untuk menyejukkan bilik melalui penyingkiran haba dari siling dan dinding.

**Efek Coanda ialah kecenderungan udara mengalir untuk melekat pada permukaan*

Doktor Naoshi Kakitsuba dari Jabatan Alam Persekutaran, Sains dan Teknologi, Universiti Meijo, Jepun, mengesahkan keberkesanan Radiant Cooling. Beliau menerangkan bahawa kesan-kesannya adalah adalah serupa dengan kesan penyejukan di dalam gua.

Pengarah Urusan Panasonic Malaysia, Cheng Chee Chung berkata, “Kami melabur dengan sesungguhnya dalam Penyelidikan & Pembangunan bagi memastikan penerusan peningkatan kualiti serta fungsi produk kami. Dalam negara beriklim tropika seperti Malaysia, kita amat memerlukan sistem penyejukan efektif terutama sekali untuk ruang kediaman ketika musim panas terik.”

“Keutamaan setiap satu pelanggan adalah inovasi teknologi maju seperti penyejukan pantas, keberkesanan, serta persekitaran kehidupan yang lebih sihat. Ini mendorong kami untuk merekabentuk penghawa dingin yang mampu memenuhi keperluan mereka,” tambah Cheng.

Penghasilan produk SIRI SKY mewakili keanggunan serta usaha mencari kesempurnaan – kedua-duanya merupakan asas falsafah rekabentuk Panasonic – *Keselesaan, Kesihatan dan Kecantikan*.

Manfaat-manfaat SIRI SKY adalah:

1. **Radiant Cooling** mencegah penyejukan berlebihan serta mengekalkan kelembapan kulit. Ianya bermanfaat untuk bilik tidur, agar seseorang itu boleh bangun segar dari tidur nyenyak bersemalam.
2. **Nanoe-G** dengan ciri **DUST SENSOR** yang senantiasa mengawasi tahap kepekatan zarah-zarah dalam udara.
3. **Pengawal Backlit SKY** yang mempunyai skrin iluminasi belakang memudahkan pelarasannya walaupun dalam gelap. Tetapan suhu yang teliti turut termasuk.

Cheng mengulas lanjut, "Perniagaan penghawa dingin di Panasonic Malaysia merupakan kategori produk tunggal yang terbesar dengan sumbangan jualan sebanyak 27%. Amatlah penting bagi kami memperkenalkan rangkaian produk yang pelbagai demi peluang yang berterusan dalam meningkatkan penjualan. Dengan penambahan SIRI SKY elit yang baru kepada rangkaian sedia ada, kami pasti akan memberi pilihan yang lebih banyak kepada para pelanggan."

SIRI SKY disasarkan kepada pelanggan yang mengutamakan kemewahan serta keunggulan ciri-ciri. Dilancarkan pada 3 Mac 2016, penghawa dingin ini boleh didapati di kedai-kedai yang terdekat kepada anda.

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran profesional, sistem perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh didapati menerusi pengedar sah kami di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berkenaan jenama dan produk Panasonic, layari laman web kami di www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan kami di 03-7953 7600.

Untuk ahli media, sila muat turun acara dan dokumen cetakan media serta gambar-gambar di www.pmpressroom.com

Media Contact: Mazlee Mokhtar
Eksekutif Kanan, Komunikasi Korporat & Penjenamaan
Jabatan Inovasi Pemasaran
Panasonic Malaysia Sdn Bhd
Tel: 03 7809 7877 Fax: 03 7955 0722
Email: mazlee.mokhtar@my.panasonic.com